

11/11/2003

Pandithan dakwa MIC guna isu pingat alih tumpuan

KUALA LUMPUR: Presiden Parti Barisan Kemajuan India Malaysia (IPF), Datuk MG Pandithan, tidak menafikan bahawa partinya tidak mempunyai Timbalan Presiden dan menjelaskan bahawa jawatan itu sudah ditawarkan kepada Ketua Pengarang Malaysia Nanban, Athi Kumanan sejak tahun lalu.

"Jawatankuasa Pusat IPF sebulat suara mempersetujui pelantikan Athi Kumanan selaku Timbalan Presiden tetapi beliau masih belum membuat sebarang keputusan sama ada menerima atau menolak tawaran itu.

"Justeru, saya berpendapat tidak salah jika Athi Kumanan dirujuk sebagai Timbalan Presiden IPF dalam borang pencalonan bagi menerima penganugerahan gelaran 'Datuk' daripada Yang di-Pertuan Agong," katanya di sini semalam.

Pandithan berpendapat tindakan memperbesarkan isu terbabit hanyalah satu taktik kotor MIC untuk mengalihkan tumpuan umum daripada isu kemasukan IPF sebagai parti komponen Barisan Nasional (BN) dan kemelut kepimpinan dalam MIC.

Beliau menyifatkannya sebagai satu lagi komplot memburuk-burukkan IPF bagi menggagalkan usaha parti itu selama 14 tahun untuk menyertai BN.

Pandithan berkata demikian mengulas dakwaan bahawa beliau memberi maklumat palsu mengenai jawatan Timbalan Presiden IPF bagi membolehkan Athi Kumanan mendapat pingat Panglima Jasa Negara (PJN) daripada Yang di-Pertuan Agong.

Kelmarin, Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu mendedahkan bahawa Pandithan membuat kenyataan palsu dalam borang pencalonan pingat bahawa Ketua Pengarang Malaysia Nanban, Kumana Pupathi Athimulam yang lebih dikenali dengan nama pena Athi Kumanan adalah Timbalan Presiden IPF untuk memastikan beliau menerima pingat daripada Yang di-Pertuan Agong.

Samy Vellu juga mendakwa beliau sudah dimaklumkan Pendaftar Pertubuhan (ROS) di Putrajaya bahawa Athi Kumanan bukan Timbalan Presiden IPF tetapi sebaliknya adalah ahli berdaftar MIC bagi cawangan Kampung Selayang dekat sini, berdasarkan rekod terkini MIC.

Bagaimanapun, Pandithan berkata Athi Kumanan sudah menjelaskan bahawa beliau pernah mendaftar sebagai ahli MIC kira-kira 20 tahun lalu tetapi sudah lama tidak membayar yuran tahunan dan menganggap keahliannya sudah dibatalkan secara automatik.

Perselisihan faham antara Samy Vellu dan Pandithan berlanjutan sejak Pandithan menubuhkan IPF selepas disingkir dari MIC pada 1988.

Bulan lalu, Pandithan menyeru supaya Samy Vellu meletak jawatan bagi menyahut seruan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad kepada pemimpin veteran komponen parti Barisan Nasional supaya mengundur diri apabila tiba masanya.